



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"MENGHADAPI MUSIM TENGKUJUH: PERINGATAN DAN PERSEDIAAN"

8 November 2024 / 6 Jamadilawwal 1446

الْحَمْدُ لِلَّهِ^١ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَى وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَى بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ^٢ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَالثَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّين. أَعْمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ^٣ أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Illahi,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, mengikhlaskan setiap amal, semoga kita mendapat taufik dan hidayah serta diperkuuhkan iman mengabdikan diri semata-mata kepada Allah Yang Maha Esa. Mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk "**MENGHADAPI MUSIM TENGKUJUH: PERINGATAN DAN PERSEDIAAN**"

Firman Allah SWT ayat 11 hingga 13 surah al-Qamar:

﴿فَتَّحَنَا أَبْوَابَ السَّمَاوَاتِ بِمَا يَمْلئُ مِنْهُمْ حِمَرٌ﴾ ١١
﴿وَفَجَرَنَا الْأَرْضَ عَيْنُوا فَالْتَّقَى الْمَاءُ عَلَى أَمْرِ قَدْ قَدْرٍ﴾ ١٢
﴿وَحَمَلْنَاهُ عَلَى ذَاتِ الْوَرْجَ وَدُسْرٍ﴾ ١٣

Bermaksud: Maka Kami membuka pintu-pintu langit dengan (menurunkan) hujan yang mencurah-curah. Dan Kami jadikan bumi memancarkan mata air-mata air, maka bertemulah air (langit dan bumi) itu sehingga (membuka dan menimbulkan) keadaan (bencana) yang telah ditetapkan Allah (di Luh Mahfuz). Dan Kami bawa Nuh (bersama para pengikutnya) naik ke atas (bahtera yang diperbuat) daripada papan dan pasak.

Musim tengkujuh dijangka bermula pada bulan November ini dan diramalkan berterusan sehingga bulan Mac tahun hadapan. Dalam tempoh tersebut, perubahan cuaca yang membawa hujan lebat berterusan boleh mengakibatkan berlaku banjir besar

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



terutama di kawasan berkedudukan rendah dan berhampiran sungai. Jabatan Meteorologi melaporkan sekurang-kurangnya tujuh buah negeri, termasuk negeri Perak dijangka menghadapi hujan lebat dan ribut petir.

Muslimin yang dirahmati Ilahi,

Sesungguhnya! Kejadian alam, musibah, bencana dan kejadian merupakan ketentuan dan ketetapan dari Allah SWT; berlaku disebabkan dua perkara:-

Pertama: ketetapan Allah SWT untuk menguji manusia di samping memperingatkan manusia bahawa Allah Maha Berkuasa dan Maha Perkasa; tiada satupun makhluk yang mampu menghalang atau mengelak ketetapan Allah SWT.

Kedua: bencana berlaku berpunca daripada perbuatan kecuaian dan kezaliman manusia. Al-Quran menggambarkan perbuatan *fasad*, iaitu melakukan kerosakan di atas muka bumi seperti membuang sampah sarap ke longkang, parit dan sungai menyebabkan, longkang dan parit tersumbat, mengganggu aliran air; di samping melakukan pembakaran terbuka, pembangunan di lereng bukit serta meratakan gunung, pembalakan, penebangan pokok dan penerokaan hutan, yang menyebabkan berlakunya hakisan, di samping mengakibatkan berlakunya perubahan pada rupa bentuk semula jadi alam, serta menjadi penyebab cuaca menjadi lebih panas, di tahap luar biasa.

Hujan lebat yang diramalkan dalam tempoh dua bulan ini, kemungkinan mengakibatkan berlaku banjir. Pepatah Melayu mengingatkan agar disediakan payung sebelum hujan. Kisah Nabi Allah Nuh AS membina bahtera bagi menghadapi banjir wajar dijadikan contoh. Mimbar menyenaraikan beberapa langkah peringatan dan persediaan:

Pertama: Dikenal pasti 332 kawasan dalam negeri Perak terletak di tebing-tebing sungai dan kawasan rendah, sebagai kawasan yang berkemungkinan di landa banjir. Dapatkan maklumat terkini tentang banjir melalui siaran televisyen, pengumuman radio dan pengumuman daripada jabatan-jabatan yang berkaitan.

Kedua: ‘Sistem Amaran Awal Banjir’ telah dipasang di tempat-tempat sekitar tebing sungai untuk memberi amaran kepada penduduk apabila air sungai mulai naik ke paras bahaya. Bertindak segera sebaik terdengar siren amaran. Siren amaran akan berbunyi dua kali. Siren pertama dibunyikan apabila aras air berada di peringkat berjaga-jaga; dan siren kedua berbunyi apabila aras air berada di peringkat bahaya. Apabila kedengaran bunyi siren pertama, bersiap sedialah untuk berpindah ke tempat yang lebih selamat.



Ketiga: Persediaan Sebelum Banjir. Lakukan pemeriksaan saluran air seperti longkang, parit atau saluran najis daripada tersumbat, bersihkan daripada sampah sarap yang menghalang aliran air. Sediakan dalam beg secara khusus, lampin dan susu untuk bayi juga makanan untuk kanak-kanak, ubat-ubatan yang diperlukan, serta pakaian panas untuk keperluan orang dewasa dan kanak-kanak, di samping lampu picit dan pengecas bateri telefon bimbit.

Keempat: Memindahkan kenderaan, perabot dan peralatan rumah ke tempat lebih tinggi, serta menyimpan dokumen penting di tempat yang selamat atau dibawa bersama dalam bekas kalis air; mematikan suis elektrik serta injap utama bekalan air dan gas di rumah.

Kelima: Dielakkan melalui kawasan banjir berarus deras yang boleh menghanyutkan, tidak menyentuh mana-mana kabel atau wayar yang jatuh, mencegah kanak-kanak mendekati longkang, sungai dan lombong, atau meminum air banjir.

Keenam: Mengambil tanggungjawab bersama menjaga kebersihan ketika berada di Pusat Pemindahan. Ummah dan wanita terutamanya, menjaga aurat dengan sempurna; mengawal percampuran antara lelaki dan perempuan, serta tidak terlepas mengerjakan ibadah fardu, di samping memperbanyak berzikir kepada Allah SWT untuk menenangkan jiwa.

Ketujuh: Bermuhasabah dan memohon keampunan Ilahi. Ketika menghadapi musibah, elakkan daripada melakukan perbuatan menyalahkan takdir atau menuding jari kepada orang lain kerana perbuatan tersebut tidak membantu menyelesaikan masalah. Ummah diseru bermuhasabah diri dengan melihat dan mengenal pasti bentuk dan punca setiap musibah, lalu memikirkan kaedah berkesan menangani musibah. Sebaik-baik tindakan ketika menghadapi apa jua musibah, adalah beristighfar mohon diampuni dosa yang pernah dilakukan, serta memohon ihsan rahmat pertolongan daripada Allah, mengantikan rezeki yang lebih baik atas apa juga kehilangan yang ditanggung.

Kelapan: Berdoa dengan memohon perlindungan daripada musibah banjir. Antara doa yang diajarkan oleh baginda Rasulullah SAW kepada kita adalah:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ جَهَدِ الْبَلَاءِ، وَدَرَكِ الشَّقَاءِ، وَسُوءِ الْقَضَاءِ، وَشَمَائِتِ الْأَعْدَاءِ

Bermaksud: Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung dengan Mu daripada ujian yang menyulitkan, kesengsaraan yang menderitakan, takdir yang buruk dan juga cacian musuh.
(Hadis Riwayat al-Bukhari)



Jemaah Rahimakumullah,

Mimbar merumuskan kesimpulan berikut:

Pertama: Musibah dan bencana ditentukan oleh Allah SWT untuk menguji sejauh mana manusia beriman kepada Tuhan Yang Maha Esa serta memperingatkan manusia agar istiqamah meningkatkan ketakwaan di samping menjauhi kehidupan yang melalaikan.

Kedua: Melakukan persediaan untuk menghadapi sebarang kemungkinan adalah amalan yang dianjurkan oleh syarak sesuai bagi menjamin kemaslahatan dan kesejahteraan hidup manusia.

Ketiga: Ummah yang tidak ditimpa musibah banjir hendaklah menunjukkan tanda kesyukuran, menunjukkan simpati dan ihsan kepada mangsa banjir, dengan bersifat pemurah, menghulurkan bantuan berbentuk tenaga, masa, makanan, pakaian, khidmat kesihatan percuma, ubat-ubatan dan wang ringgit untuk meringankan tanggungan mangsa-mangsa banjir.

Keempat: Jawatankuasa masjid, badan-badan sukarela, kebajikan dan belia, berada di barisan hadapan, menawarkan pelbagai khidmat dan bantuan, termasuk mengadakan tabung khas dan pungutan derma khusus di masjid-masjid untuk membantu mangsa banjir.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقَتِهِ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيْبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَن لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! إِتَّقُوا اللَّهَ، وَكُوْنُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya dari kalangan Asyairah Maturidiah. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَكِتِيَّتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْيَاهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمَيْنِ إِنَّكَ حَمِيدٌ
مَحِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ
وَالْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثِبِّهِمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ⁷.
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخْوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ
أَهْلَهَا وَانْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِرْ أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمَيْنَ.

Ya Allah! Ya Hafiz! Ya Mujib! lindungi dan selamatkan kami dan keluarga kami dari bala bencana yang memudaratkan serta kejahatan yang tersembunyi. Ampuni dosa dan kesilapan yang tidak kami sedari mahu pun yang disengajakan. Engkaulah Tuhan yang menguasai langit dan bumi, kurniai kami keselamatan dan perlindungan walau di mana kami berada.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fugara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Aziz! Ya Qahhar! Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel.

Ya Mu'min! Ya Muhammin! Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, dijauhi daripada bencana dan malapetaka, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِلَيْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ
وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ
مَا تَصْنَعُونَ.